


KENALI VIRUS-VIRUS DAN CARA MENGATASINYA

1. TROJAN



Trojan adalah salah satu jenis virus yang mampu menyamar sebagai program yang sebenar bahkan sebagai *software* antivirus. Berkemampuan menghapus dan mencuri data-data yang terdapat dalam komputer seperti maklumat perbankan dan lain-lain.

Solusi:

Dengan menggunakan dan mengaktifkan *Firewall* atau *Windows Defender* yang telah tersedia dalam perincian komputer sudah memadai. Untuk keberkesanan yang lebih efektif, pastikan *Firewall* atau *Windows Defender* sentiasa dikemas kini. Terdapat juga antivirus khusus untuk virus Trojan yang mana boleh didapati di dalam web.

2. WORM

Worm adalah sejenis virus yang mampu membuat fail-fail yang tidak berguna sehingga memenuhi *hardisk* atau *storage* komputer mahupun telefon. Ini kerana sifatnya yang mampu berkembang dan menggandakan dirinya dengan cepat. Pada kebiasaannya ia tersebar melalui e-mel dan jaringan internet.

Solusi:

Sentiasa mengemas kini *Windows Defender* atau untuk keberkesanan yang lebih efektif, *scan* menggunakan antivirus yang berlesen dan berbayar seperti Kaspersky Internet Security, Avast dan lain-lain lagi.

3. FAT VIRUS

Nama sebenarnya **File Allocation Table**. Ia mampu merusak fail-fail yang terdapat dalam *folder* tertentu. Fail yang terkena virus ini pada kebiasannya akan hilang dan susah untuk dicari kembali.

Solusi:

Lakukan pembersihan atau *scan* menggunakan antivirus.

4. OVERWRITE VIRUS

Overwrite Virus adalah sejenis virus yang memiliki kemampuan untuk menghapus fail atau data tanpa mengubah ukuran fail tersebut sehingga pengguna tidak akan merasa curiga akan keberadaannya. Contohnya, anda memiliki data sebesar 16 GB. Data tersebut kemudian hilang sepenuhnya kerana terkesan oleh *Overwrite Virus*. Meskipun demikian, kapasiti hardisk anda akan tetap terpakai sebanyak 16 GB walaupun sebenarnya data tersebut sudah terhapus.

Solusi:

Cuba *scan* menggunakan antivirus. Jika tidak berkesan, maka caranya hanyalah dengan menghapuskan sepenuhnya fail yang dijangkiti sekaligus fail yang asal juga akan turut terhapus.

5. SHORTCUT VIRUS

Shortcut Virus adalah virus yang membentuk *shortcut-shortcut* yang muncul dalam bentuk *folder* yang ada (*cloning*), meskipun sudah dihapuskan, namun ia tetap akan kembali. Ini sangat berbahaya dan akan merusakkan sistem kerja komputer jika tidak diselesaikan dengan segera.

Solusi:

Scan komputer menggunakan antivirus yang khusus untuk *shortcut* seperti HFV atau *scan* dengan menggunakan antivirus Smadav yang terkini, yang boleh didapati di dalam web. Jikalau ingin keberkesanan yang lebih efektif, maka *scan* komputer anda dengan menggunakan antivirus yang berlesen dan berbayar.

Rujukan :

<https://blog.dimensidata.com/macam-jenis-nama-virus-komputer-dan-cara-mengatasinya/>

<https://www.indoworx.com/jenis-virus-komputer/>

<https://jalantikus.com/tips/virus-komputer-berbahaya-dan-cara-mengatasinya/>

<https://www.inews.id/techno/read/187057/kenali-5-jenis-malware-dan-cara-mengatasinya>

<https://faris6593.blogspot.com/2016/03/penjelasan-virus-shortcut-dan-cara-membasminya-menggunakan-software-hijackthis.html>

Mahmud Muzakkir bin Mad Yusoff,
Kuliah Usuluddin,
Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir.